

## Dewan Rakyat lulus RUU Semakan Hukuman Mati dan Pembenjaraan Sepanjang Hayat

Suraya Roslan

surayaroslan@mediaprime.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Rakyat hari ini meluluskan Rang Undang-Undang Semakan Hukuman Mati dan Pembenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023.

RUU itu diluluskan dengan lebih suara bersetuju selepas bacaan kali ketiga oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Ramkarpal Singh selepas dibahaskan 10 Ahli Parlimen.

Ramkarpal berkata, RUU Semakan Hukuman Mati dan Pembenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023 bertujuan supaya Mahkamah Persekutuan diberi kuasa untuk menyemak semula 842 banduan hukuman mati.

"Apabila kita bercakap mengenai pemansuhan hukuman mati mandatori, kita tidak boleh mengelak daripada perbualan mengenai nasib banduan hukuman mati yang sedang melalui tempoh moratorium dalam penjara.

"Moratorium ini sudah berjalan sejak kerajaan memutuskan supaya satu kajian terhadap hukuman gantian bagi hukuman mati," katanya ketika membentangkan RUU itu di Dewan Rakyat, hari ini.

Ramkarpal, berkata sehingga 31 Mac 2023, seramai 1,318 banduan hukuman mati sedang dikenakan moratorium dan menunggu keputusan kerajaan bagi hukuman gantian terhadap hukuman mati.

Katanya, jumlah 1,318 itu dipecahkan kepada dua kumpulan, iaitu yang pertama 476 banduan yang masih belum selesai prosiding ataupun rayuan di Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan.

"Manakala, kumpulan kedua seramai 842 orang yang sudah selesai peringkat banduan termasuk 25 banduan yang ditolak rayuan pengampunan di peringkat lembaga pengampunan negeri.

"Saya sendiri sudah mengadakan lawatan ke Penjara Kajang untuk berjumpa dengan banduan hukuman mati dan pembenjaraan sepanjang hayat dan semua tertanya-tanya status hukuman mereka," katanya.

Katanya, dalam hal ini kerajaan sudah berbincang dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Penjara (JPM), Pejabat Peguam Negara dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan untuk melihat dan meneliti cadangan daripada jawatankuasa khas kajian hukuman gantian terhadap hukuman mati mandatori.

Oleh yang demikian, katanya, bidang kuasa sudah diberikan kepada Mahkamah Persekutuan di bawah satu undang-undang yang digubal oleh Parlimen bertujuan untuk semakan semula hukuman selaras dengan pindaan undang-undang berkaitan kesalahan mereka.

"Cadangan itu turut dibawa untuk pertimbangan Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-261 yang diadakan pada 22 dan 23 Februari 2023.

"Memandangkan ia akan membabitkan banduan yang sudah dipertimbangkan Lembaga Pengampunan iaitu seramai 70 banduan hukuman mati yang sudah diringankan hukuman kepada pembenjaraan sepanjang hayat dan 25 banduan yang ditolak rayuan mereka.

"Dalam hal ini, Majlis Raja-Raja memperkenan kertas pertimbangan mengenai perkara ini," katanya.

Disiarkan pada: April 3, 2023 @ 5:39pm